



26 JAN, 2023

Pengerusi Kumpulan Media Prima dilantik profesor adjung UNITEN



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pengerusi Kumpulan Media Prima dilantik profesor adjung UNITEN

Kuala Lumpur: Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunid dilantik sebagai profesor adjung Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Surat pelantikan berkenaan diserahkan Presiden yang juga Ketua Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Ir Baharin Din dan disaksikan oleh Naib Canselor UNITEN, Prof Ir Noor Azuan Abu Osman.

Noor Azuan berkata, pelantikan Syed Hussain itu selaras dengan komitmen UNITEN untuk meningkatkan pembelajaran dengan menjalinkan kerjasama antara pelajar dan pakar industri.

Katanya, selain Syed Hussain, pihaknya kini sedang membawa lebih ramai pakar daripada industri lain untuk berkongsi pengetahuan dan kapakaran masing-masing bersama dengan pelajar universiti berkenaan.

"Kami teruja kerana Datuk Seri Dr Syed Hussain sudi untuk

bertemu dan berkongsi pengalaman dengan pihak UNITEN, sebagai seorang profesional yang sudah bekerja dalam pelbagai bidang. Beliau mempunyai pengalaman luas mengenai dunia sebenar, perkara itu dapat dikongsikan dengan pelajar bagi menbolehkan mereka memahami realiti kehidupan.

"Kami percaya dengan pelantikan ini, beliau dapat memberikan pandangan yang berharga serta petua dan nasihat berkaitan industri seterusnya membantu persediaan memasuki alam pekerjaan. Ini juga satu daripada cara kita untuk mengindustrikan universiti," katanya semalam.

Sementara itu, Syed Hussain berkata beliau sangat berbesar hati kerana diberi kesempatan untuk berkongsi ilmu pada generasi akan datang.

"Sebagai pemimpin industri, kami mempunyai pengalaman bertahun-tahun terutama berkai-

tan tenaga kerja dan bertanggungjawab untuk melakukan perubahan bagi menghadapi cabaran masa depan.

"Saya berharap dapat berinteraksi dengan pelajar UNITEN dan pastinya mereka teruja untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan dengan kumpulan media terbesar di Malaysia," katanya.

Syed Hussain mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri insurans, teknologi dan media dan memainkan peranan aktif dalam membantu pelajar Malaysia mendapatkan akses pendidikan berkualiti.

Banyak sumbangan beliau dalam sistem pendidikan negara dan diaiuk secara meluas oleh universiti terkemuka termasuk Universiti Malaysia Sarawak, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan menerima Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Kejuruteraan.



Syed Hussain menerima surat pelantikan sebagai profesor adjung UNITEN daripada Baharin (kanan) sambil diperhati Noor Azuan di Kuala Lumpur.